



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsembilan>

Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 (6)

Tarikh : 3 Ogos 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN
BIL. 6 TAHUN 2020 : PENGGUNAAN KOD PEMBEKAL EMP (5 SIRI) BAGI BAYARAN
KEPADA PENJAWAT AWAM DAN KEPERLUAN PENYATA AKAUN BANK SEBAGAI
DOKUMEN SOKONGAN BAYARAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, semua pembayaran kepada penjawat awam hendaklah dibayar menggunakan Kod Pembekal EMP (EMPLOYEE) iaitu di bawah julat nombor 5000000000 hingga 5999999999 (5 Siri). **Pembayaran kepada penjawat awam menggunakan Kod Pembekal *One Time Vendor* (OTV 10000) adalah tidak dibenarkan**, kecuali untuk pegawai lantikan baharu yang masih belum mempunyai nombor gaji. Sekiranya maklumat penjawat awam telah wujud dalam Sistem Emolumen Berkomputer (HCM) tetapi tiada di Data Induk Portal iGFMS, PTJ adalah dipohon untuk mengambil tindakan seperti di **Lampiran A**.

3. Selain itu, terdapat isu yang dibangkitkan oleh PTJ berhubung keperluan untuk penjawat awam mengemukakan penyata akaun bank yang aktif bagi setiap tuntutan yang dikemukakan. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menyelaraskan perkara ini seperti di bawah :

- 3.1 Bagi penjawat awam yang emolumennya dibayar melalui Sistem Emolumen Berkomputer (HCM), pegawai tidak perlu mengemukakan salinan penyata akaun bank yang aktif sekiranya tuntutan tersebut dibayar ke akaun yang sama dengan akaun bank gaji pegawai.
- 3.2 Sekiranya terdapat keperluan untuk memproses bayaran kepada penjawat awam menggunakan Kod Pembekal OTV, salinan penyata akaun bank yang aktif (salinan diakui sah) hendaklah dilampirkan sebagai dokumen sokongan bayaran.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, dipohon pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk menghubungi pegawai-pegawai di bawah :

Unit Pengurusan Dana : 06-768 6813 / 6844 / 6838 / 6896 / 6895

Unit Gaji : 06-768 6897 / 6834 / 6840 / 6837 / 6892 / 6835

Unit Khidmat : 06-768 6851 / 6852
Pengurusan Pelanggan

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

Lampiran A

TINDAKAN PTJ SEKIRANYA MAKLUMAT PENJAWAT AWAM TELAH WUJUD DALAM MODUL HCM TETAPI TIADA DI DATA INDUK PORTAL iGFMAS

1. Mengemaskini maklumat nombor telefon bimbit dan alamat emel pegawai di PA30, Modul HCM.

The first screenshot shows the 'Communication' form with the 'E-mail' tab selected. The 'Type' field is set to '0010'. A checkbox is checked in the row below. The second screenshot shows the same form with the 'Mobile No' tab selected. The 'Type' field is set to '0015'. A checkbox is checked in the row below.

2. Semak maklumat pegawai di Portal iGFMAS (Data Induk > Maklumat Pembekal).

The screenshot shows the 'PAPAR MAKLUMAT PEMBEKAL' form. At the top are buttons: 'Simpan', 'Semak Data', 'Hantar', 'Lulus', 'Kuir', 'Set Semula', and 'Hapus'. Below these is a 'PILIHAN UTAMA' section with two input fields: 'Kod Pembekal' and 'No. KP/No. Pendaftaran'.

3. Sekiranya maklumat pegawai tidak wujud di Portal iGFMAS, isi dan kemuka Borang Pendaftaran / Penamatan Penerima Bayaran iGFMAS (Penjawat Awam). Bersama-sama borang tersebut, sila lampirkan :
 - i. salinan kad pengenalan pegawai;
 - ii. salinan penyata bank pegawai; dan
 - iii. salinan payroll master listing (untuk pegawai terlibat sahaja).

Borang boleh dimuat turun di Portal JANMNS > Perkhidmatan > Muat Turun > Borang > Khidmat Pengurusan Pelanggan > Borang No. 4.

<http://www.anm.gov.my/index.php/perkhidmatan-negeri-sembilan/muat-turun-negeri-sembilan/borang>

Borang dan salinan dokumen di para 3(i) hingga 3(iii) hendaklah dikemukakan secara hardcopy kepada Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan.

**CONTOH HANYA UNTUK ISU MAKLUMAT PEGAWAI TELAH WUJUD DI HCM
TETAPI TIADA DI DATA INDUK PORTAL IGFMAS**



**BORANG PENDAFTARAN/PENAMATAN
PENERIMA BAYARAN 1GFMAS**

A. UNTUK DIISI OLEH PEMOHON

Isi dalam ruangan yang berkaitan

☐ Baru ☐ Pinda ☐ Sekat ☐ Hapus

Kod Penerima Bayaran 1GFMAS (Untuk Pinda/Sekat/Hapus Sahaja):

0 0 1 2 3 4 5 6 7 8

No. Gaji

Keterangan Untuk Pinda/Sekat/Hapus:

Company Code:

F G O M Federal Government Of Malaysia

Nama Vendor: (Pastikan sama seperti nama di Penyata Bank)

N	U	R		A	I	S	H	A	H		B	I	N	T	I				
A	Z	M	A	N															

Nama penuh pegawai

Alamat:

Poskod:		Bandar:	
Negeri:		Negara:	

No. Telefon:

No. Telefon Bimbit:

0 1 7 - 3 0 1 4 2 6 3

No. Tel Bimbit sama seperti di HCM

No. Faksimili:

Emel:

Nuraishah.azman@gmail.com

Alamat emel sama seperti di HCM

No. Pendaftaran/Rujukan Entiti: ic

8 4 0 1 2 7 - 0 5 - 5 0 1 4

Kod Pendaftaran Entiti:*

☐ JPN ☐ SSM ☐ ROS ☐ SKM ☐ JIM ☐ Lain-lain: (Nyatakan)

No. Kad Pengenalan pegawai

No. Akaun Bank:

No. Kod Bank (SWIFT Code):

Kod Pendaftaran Entiti → Tick Kotak JPN

UNTUK PENGESAHAN

Disediakan:

Nama:

Jawatan:

Tandatangan:

Tarikh:

Disahkan:

Nama:

Jawatan:

Tandatangan:

Tarikh:

Lengkapkan tandatangan penyedia (boleh pegawai tersebut sendiri atau staff di Unit Kewangan) dan pengesah.

*Rujuk Maklumat Kod di Lampiran A